

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM  
(KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 18.3.2015  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-**

- (a) bagaimakah dengan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani seperti sewaan-sewaan kem PLKN, perkhidmatan bas, pembekal makanan dan lain-lain berikut penangguhan Program PLKN yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan jumlah tanggungan kewangan atas penangguhan ini; dan**
  
- (b) adakah Kementerian bercadang mengkaji semula tentang pelaksanaan PLKN ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan telah mengadakan perbincangan dengan kontraktor/pembekal yang mempunyai kontrak dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Implikasi penangguhan ini memerlukan tempoh kontrak dilanjutkan dengan mengambil kira perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kontraktor/pembekal dibayar berdasarkan penggunaan dan perkhidmatan yang disediakan. Keputusan berhubung perkara ini telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.**

**Pada masa ini Kementerian Pertahanan dengan kerjasama PEMANDU sedang melaksanakan Makmal Transformasi PLKN bermula dari 23 Februari hingga 27 Mac 2015. Tujuan kajian makmal dibuat ialah untuk menilai semula pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) serta mendapatkan pandangan bagi penambahbaikan pelaksanaan PLKN pada masa akan datang.**